

Teks Ucapan

Naib Canselor UniMAP

Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Sempena

Program Jom Berbasikal Jelajah Perlis pada 10 Mei 2009.

Bismillah Hirrahman Nirrahi, Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada Majlis Penutup Program Jom Berbasikal Jelajah Perlis pada hari ini. Tahinah dan syabas saya ucapkan kepada saudara dan saudari pelajar UniMAP kerana telah berjaya menyempurnakan Program Jom Berbasikal Jelajah Perlis dengan cemerlangnya.

Hadirin Sekalian,

Untuk pengetahuan anda semua ,program ini diadakan buat julung kalinya oleh UniMAP dengan mendapat kerjasama padu daripada

Pertubuhan Kelab-Kelab dan Persatuan-Persatuan mahasiswa UniMAP itu sendiri. Program hasil daripada gabungan pertubuhan kelab-kelab dan persatuan-persatuan mahasiswa UniMAP ini berjaya membuktikan bahawa UniMAP bukan sahaja dapat melahirkan siswazah kejuruteraan yang berketerampilan dan mampu mencari penyelesaian kepada pelbagai permasalahan menerusi pemikiran yang kreatif dan inovatif malah juga mampu melahirkan graduan-graduan yang berkepimpinan dan berkemahiran tinggi dalam bidang komunikasi terutamanya dengan masyarakat sekeliling.

Hadirin Sekalian,

Saya sebagai wakil dari UniMAP mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia yang bertindak sebagai penasihat utama dalam menjayakan program ini selain turut memberikan sumbangan kewangan dan pendidikan tentang salah laku rasuah dan sebagainya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pihak Polis DiRaja Malaysia yang telah turut memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan, pendedahan jenayah dan undang-undang, pengawasan yang rapi sepanjang aktiviti ini berlangsung.

Selain itu, sekalung penghargaan saya kalungkan kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Beseri di atas kerjasama dan komitmen membenarkan kami menjalankan aktiviti-aktiviti bersama komuniti di MRSM ini. Kepada Jabatan-jabatan perkhidmatan awam ,Agensi Dadah Kebangsaan ,Hospital Kangar ,PEMADAM dan agensi-agensi lain yang turut memberi sumbangan dalam bentuk khidmat masyarakat ,keselamatan dan pengawasan yang rapi, ketahuilah tanpa pertolongan daripada anda semua, pasti program ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna...

Penat Sehariian tidak diukur,

Menabur bakti keikhlasan dicari,

Kami UniMAP hanya mampu bersyukur,

Menerima budimu Tuan, moga Allah sahaja memberkati.

Hadirin Sekalian,

Program Jom Berbasikal Jelajah Perlis yang bertemakan ‘Kayuhan Menjana Kejelekitan Sosial’ adalah bertujuan untuk mempromosikan UniMAP sempena penjenamaan semula UniMAP pada 1 Februari

2007 yang lalu. Disamping itu, program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan dan menerangkan peranan Kelab SUKISIS UniMAP, Sekretariat Pencegahan Rasuah, Kelab-Kelab dan Persatuan-Persatuan Pelajar UniMAP kepada masyarakat di Perlis khususnya . Kita juga sedia maklum bahawa, program ini merupakan satu medium untuk menyampaikan mesej anti rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta meningkatkan kesedaran terhadap nilai-nilai integriti.

Kita juga harus ingat bahawa pelajar yang positif dan berkredibiliti adalah aset penting bagi membentuk barisan-barisan penjana kepada pembangunan negara dalam pengurusan sumber manusia negara. Oleh itu, melalui penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti seumpama ini dapat melatih bakat dan kepimpinan yang ada dalam kalangan para pelajar UniMAP agar dapat dipraktikkan selepas bergraduasi kelak sekaligus dapat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang ‘CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG’ .

Hadirin Sekalian,

Pelbagai manfaat yang dapat kita perolehi daripada penubuhan badan-badan beruniform di pusat-pusat pengajian tinggi ,sebagai

contoh penubuhan Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) ,Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) ,Kelab Badan Pencegahan Rasuah dan persatuan-persatuan lain ialah para pelajar yang menyertai badan-badan uniform dan persatuan-persatuan ini diberikan pendedahan secara langsung dari penjawat-penjawat awam.

Ilmu yang diperolehi dapat dipraktikkan dan dikongsi bersama masyarakat sekeliling seterusnya dapat membendung kesalahan jenayah dan undang-undang di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Sebagaimana yang kita ketahui ,dahulunya POLIS DIRAJA MALAYSIA pernah merasmikan penubuhan Rakan Cop. Universiti Malaysia Perlis merupakan salah satu pusat pengajian tinggi di Malaysia yang melancarkan Rakan Cop dan menyarankan penglibatan semua pihak sama ada mahasiswa mahupun staf-staf.

Rakan Cop adalah medium perantaraan untuk merapatkan jurang antara polis dan masyarakat. Ia mengambil konsep yang mudah dan praktikal untuk merealisasikan ikatan hubungan kukuh dengan orang ramai melalui pendekatan yang lebih jelas, lebih mudah, bersepadu dan tersusun.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana yang kita ketahui sejak penubuhan universiti ini pada tahun 2002 ianya dikenali dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) namun begitu setelah genap usia 5 tahun dan setelah nama KUKUM begitu sinonim dengan masyarakat pada tanggal 1 Februari 2007, nama KUKUM telah ditukar kepada Universiti Malaysia Perlis ( UniMAP). UniMAP telah banyak membantu melahirkan jurutera-jurutera global yang mendapat pasaran pekerjaan yang meluas di dalam mahupun di luar negara.

Hal ini kerana, UniMAP sebenarnya mensasarkan graduan yang sedia bekerja dan mampu menangani permasalahan dengan bijak tidak kira samada di tempat kerja ataupun dipersekitaran mereka. Alhamdulillah, saya kira kita mampu melahirkan mereka ini berdasarkan maklum balas yang telah diterima daripada pihak majikan.

Rahsianya adalah kerana kami menekankan konsep soft skills ataupun Kemahiran Insaniah kepada para pelajar dan antara penekanan itu adalah melalui program yang kita jalankan ini. Melalui program ini, mereka

berpeluang untuk beramah mesra sesama mereka dan juga masyarakat sekeliling. Ini akan membantu mereka untuk tidak kekok bergaul apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Kita juga sedar bahawa pendedahan kepada permasalahan salah laku yang kian membebankan minda masyarakat kini juga mampu memberi kesedaran kepada mereka para pelajar bukan sahaja untuk hari ini atau tahun ini tetapi juga untuk mereka kenang dan jauhi kesalahan itu sepanjang hidup mereka.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada mahasiswa dan mahasiswi UniMAP, Polis Di Raja Malaysia, Badan Pencegahan Rasuah, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga program ini telah berjaya mencapai matlamat seperti yang telah disasarkan.

Dengan lafaz Bismillah Hirahmannirrahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Jom Berbasikal Jelajah Perlis.

Sekian. Walbilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.